



## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (KAD ATM)

Pemegang Kad dengan ini bersetuju seperti berikut:

1. Kad ATM ("Kad") tidak boleh digunakan oleh Pemegang Kad dalam keadaan berikut:-
  - i. Selepas pembatalan atau penarikan balik;
  - ii. Apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank;
  - iii. Selepas pemberitahuan oleh Pemegang Kad kepada Bank tentang apa-apa penyalahgunaan, kehilangan atau kecurian Kad atau pendedahan nombor PIN kepada pihak ketiga, sama ada dibenarkan atau tidak, dan/atau
  - iv. Sementara menunggu pengeluaran Kad gantian dan nombor PIN kepada Pemegang Kad, sama ada atau tidak, menurut Klausa 5(iii) di sini.
2. Kad ini tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan lain selain daripada kemudahan yang disediakan atau diluluskan oleh Bank.
3. Pemegang Kad tidak boleh memindah milik atau mengagarnya kepada mana-mana orang lain atau dalam apa-apa cara yang menggunakan Kad sebagai sekuriti untuk sebarang urus niaga kredit.
4. Pemegang Kad hendaklah menyimpan Kad dengan selamat dan merahsiakan PIN pada setiap masa di dalam simpanan atau kawalannya. Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana individu, termasuk mana-mana anggota kakitangan Bank.
5. Jika Pemegang Kad sedar atau mengesyaki bahawa:-
  - i. PIN pemegang Kad terdedah atau boleh diketahui oleh mana-mana individu lain selain dari Pemegang Kad;
  - ii. Kad hilang, dicuri atau musnah;
  - iii. Kad mungkin atau telah dipalsukan, dan/atau
  - iv. Mungkin wujud urus niaga atau akses tanpa kebenaran menggunakan Kad dan PIN dan Pemegang Kad harus melaporkan kepada Bank dengan serta-merta di alamat seperti yang terkandung dalam Klausa 21. Bank tidak akan meletakkan tanggungjawab pada pemegang Kad untuk sebarang transaksi yang dilakukan setelah Bank dimaklumkan oleh pemegang Kad tentang sebarang transaksi yang tidak sah, kehilangan, penyalahgunaan, kecurian atau kemusnahaan Kad dengan syarat dalam mana-mana situasi Pemegang Kad hendaklah menanggung kerugian Bank bagi sebarang urusniaga sebelum laporan tersebut diterima sehingga jumlah maksimum harian dibenarkan untuk dilaksanakan dalam setiap kemudahan perkhidmatan.
6. Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa sebarang transaksi yang dilakukan dengan Kad / PIN hendaklah disifatkan benar sekiranya: -
  - i. Kad dan PIN telah digunakan dan sistem keselamatan untuk pemindahan dana Bank berfungsi sepenuhnya pada hari yang berkaitan; dan
  - ii. Pegawai-pegawai atau agen-agen yang dilantik oleh Bank tidak melakukan fraud atau cuai dalam menjalankan urus niaga.
  - iii. Kad adalah harta Bank pada setiap masa dan Pemegang Kad hendaklah mengembalikannya kepada Bank dengan serta merta apabila diminta. Bank boleh pada bila-bila masa selepas memberi notis bertulis kepada Pemegang Kad dan tanpa memberi sebarang alasan, membatalkan Kad tersebut. Setelah pembatalan atau penamatkan penggunaan perkhidmatan, Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad kepada Bank dengan serta merta.

7. Penggunaan setiap Kad adalah tertakluk kepada Yuran Perkhidmatan Tahunan, (dan pihak Bank berhak untuk meminda Yuran Tahunan Perkhidmatan dari semasa ke semasa dengan memberi notis kepada Pemegang Kad selaras dengan peruntukan di dalam perjanjian ini) selagi Kad dikenakan dan tidak dibatalkan oleh Pemegang Kad. Yuran Perkhidmatan Tahunan boleh di bayar pada awal setiap tahun bermula dari tarikh kad dikeluarkan dan dengan ini Pemegang Kad memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendebit bayaran Yuran Perkhidmatan Tahunan serta-merta selepas Kad dikeluarkan daripada akaun Pemegang Kad yang mana Kad dikeluarkan dan selepas itu, pada setiap bulan ulang tahun di mana Kad pertama kali dikeluarkan. Dalam mana-mana kes Kad gantian dikeluarkan, Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank untuk mendebit Yuran Perkhidmatan Tahunan dari akaun Pemegang Kad, bermula dari tarikh pengeluaran Kad gantian dan selepas itu, pada setiap bulan ulang tahun pengeluaran Kad gantian.
8. Semua pengeluaran Kad gantian adalah tertakluk kepada Yuran Perkhidmatan Tahunan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Klausus 7 dan terma-terma dan syarat-syarat yang berkuat kuasa dari tarikh penggantian. Penerimaan permohonan penggantian Kad adalah di atas budi bicara Bank sepenuhnya.
9. Penyata akaun akan dihantar kepada pemegang kad, , kecuali jika diberitahu sebaliknya oleh Bank. Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa beliau hendaklah bertanggungjawab untuk memeriksa setiap penyata akaun yang dikeluarkan oleh pihak Bank untuk memastikan bahawa tiada kesilapan, percanggahan atau pemasukan data yang berpunca dari sebab-sebab tertentu, tetapi tidak terhad kepada, penipuan, fraud, urus niaga tanpa kebenaran atau kecuaian Pemegang Kad. Apa-apa penyata akaun hendaklah menjadi muktamad dan mengikat Pemegang Kad melainkan Pemegang Kad memaklumkan Bank di alamat seperti yang diperuntukkan dalam Klausus 21, sebarang kesilapan atau percanggahan atau transaksi yang tidak dibenarkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata akaun sedemikian.
10. Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa, menamatkan penggunaan perkhidmatan dengan memberi notis bertulis tentang penamatkan dan notis tersebut akan hanya dianggap telah diterima oleh pihak Bank atas pengesahan oleh Pegawai dan apabila telah direkodkan seperti yang diterima oleh Bank. Nota: Notis bertulis merujuk kepada borang penamatkan.
11. Pada bila-bila masa Pemegang Kad boleh menggunakan atau cuba untuk menggunakan Kad untuk pengeluaran, bayaran atau pindahan selagi ada dana yang mencukupi dalam akaun pemegang.
12. Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank untuk mendebit akaun Pemegang Kad dengan jumlah pengeluaran, pembayaran atau pemindahan yang dibuat melalui penggunaan Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad. Pengeluaran, pembayaran dan pemindahan tertakluk kepada jumlah maksimum yang dibenarkan untuk setiap hari bagi setiap kemudahan perkhidmatan (had ini boleh diubah oleh Bank dengan memberi notis kepada Pemegang Kad seperti yang dinyatakan).
13. Pemegang Kad mengakui bahawa baki yang dipaparkan menerusi ATM, sama ada melalui paparan di skrin mesin atau resit urus niaga yang diberikan oleh Mesin, tidak termasuk deposit yang belum disahkan oleh Bank dan cek yang dikeluarkan oleh Pemegang Kad yang belum diproses oleh Bank. Baki yang dipaparkan menerusi ATM tidak boleh dianggap sebagai baki muktamad akaun Pemegang Kad.
14. Jumlah yang dilaporkan oleh Mesin tidak boleh dianggap untuk sebarang tujuan sebagai bukti baki muktamad dalam penyata akaun Pemegang Kad dengan Bank.
15. Transaksi yang melibatkan E-Debit akan dianggap sebagai pengeluaran tunai dari Bank dan pihak Bank adalah dibenarkan untuk mendebit Akaun Pemegang Kad dengan jumlah keseluruhan bil yang ditanggung melalui penggunaan Kad tersebut.
16. Kadar pertukaran mata wang bagi semua transaksi antara negara adalah berdasarkan kadar pertukaran yang semasa pada tarikh urus niaga. Kenyataan bertulis Bank berkaitan dengan kadar tukaran berkenaan akan dianggap sah dan muktamad melainkan jika terdapat bukti yang bertentangan.

17. Selain daripada yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini, Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad dan/atau PIN. Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan dengan ini bersetuju untuk menanggung apa-apa kerugian, kerosakan, kos, caj, yuran dan lain-lain perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan klien) yang mungkin terpaksa ditanggung oleh Bank untuk apa-apa kerugian berhubung perkara berikut:
  - i. Sebarang penggunaan Kad dan/atau PIN oleh Pemegang Kad untuk melaksanakan sebarang transaksi;
  - ii. Melanggar mana-mana atau ketidakpatuhan terma-terma dan syarat di dalam ini oleh Pemegang Kad;
  - iii. Apa-apa tindakan dalam kontrak dan/atau tort (termasuk batasan yang tersebut di atas, fitnah) untuk sebarang penolakan kad dalam E-Debit atau Mesin, dan/atau apa-apa pernyataan atau lain-lain komunikasi yang dibuat berkaitan dengannya atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan di mana-mana cawangan E-Debit;
  - iv. Apa-apa tindakan yang cuai atau peninggalan oleh Pemegang Kad dan/atau;
  - v. Bank berhak menjalankan mana-mana haknya di bawah ini.
18. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dilakukan atau dialami oleh Pemegang Kad, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan perkhidmatan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa kegagalan untuk melaksanakan sebarang transaksi kerana apa-apa kerosakan Mesin atau sistem pemindahan dana Bank atau apa-apa kelengkapan atau sistem lain yang diperlukan untuk melaksanakan transaksi yang berkaitan dan sama ada ianya adalah harta Bank atau tidak, di mana keadaan itu disebabkan oleh bencana alam atau lain-lain keadaan di luar kawalan Bank.
19. Mana-mana transaksi yang dilakukan melalui Mesin, termasuk urus niaga antara negara akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan Undang-Undang Malaysia dan bersetuju bahawa Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif bagi menyelesaikan apa-apa pertikaian yang mungkin timbul daripada atau berkaitan dengan urus niaga tersebut. Tiada apa-apa dalam klausa ini boleh menghalang pengambilan apa-apa guaman, tindakan atau prosiding dalam satu atau lain-lain bidang kuasa, sama ada serentak atau tidak dengan syarat bahawa semua aduan atau saman yang dibuat dan/atau diambil terhadap Bank hendaklah dibuat atau diambil dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh urus niaga yang berkaitan, jika gagal, liabiliti Bank bagi yang sama (jika ada) maka secara automatik terbatal sepenuhnya dan tanpa syarat.
20. Terma dan syarat ini terpakai untuk mentadbir semua transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad menggunakan Kad, dan hendaklah ditafsirkan sebagai tambahan kepada apa-apa terma dan syarat yang sedia ada yang mengawal akaun Pemegang Kad ("Terma Sedia Ada") dengan Bank. Sekiranya berlaku sebarang konflik atau percanggahan di antara terma dan syarat ini dan Syarat sedia ada, terma dan syarat ini akan diguna pakai hanya setakat konflik dan percanggahan tersebut.
21. Sebarang pertanyaan, notis atau komunikasi yang ditujukan kepada Bank mengenai penggunaan kad Bank harus ditujukan kepada:-

RHB Bank Berhad (6171-M)  
Customer Care Centre  
Tingkat 7, Menara AA  
Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92068118  
Fax: 03-92068088  
E-Mail: [customer.service@rhbgroupe.com](mailto:customer.service@rhbgroupe.com)

22. Sekiranya Pemegang Kad ingin membuat sebarang aduan berkaitan dengan Kad, prosedur permohonan adalah seperti berikut:
  - i. Pemegang Kad dikehendaki melengkapkan Borang Aduan Bank yang standard (yang akan disediakan atas permintaan di mana-mana cawangan) dan yang sama boleh dikemukakan di mana-mana cawangan atau dikemukakan kepada Bank di alamat yang diberikan di dalam Klause 21.
  - ii. Bank hendaklah dengan serta-merta menjalankan penyiasatan mengenai aduan itu apabila diterima Borang Aduan dari pemegang kad. Sekiranya lanjutan masa diperlukan untuk apa-apa penyiasatan yang dijalankan, Bank hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Kad dengan sewajarnya.
  - iii. Setelah tamat siasatan, Bank hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Kad tentang hasil siasatan.
  - iv. Sekiranya Pemegang Kad tidak berpuas hati atau ingin membuat rayuan terhadap hasil siasatan yang dijalankan oleh Bank, dia boleh membuat rayuan ke alamat yang diperuntukkan dalam Klause 21 dan/atau merujuk aduan itu kepada Biro Pengantaraan Kewangan di Bank Negara Malaysia.
23. Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank pada setiap masa untuk menggunakan, menyusun, mendapatkan daripada atau pertukaran dengan atau melepaskan sebarang maklumat tentang Pemegang Kad, akaun Pemegang Kad, penggunaan Kad dan hal ehwal kewangan Pemegang Kad untuk semua dan segala tujuan dan mengikut cara yang difikirkan sesuai atau perlu (termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian oleh bank atau institusi kewangan atau entiti lain yang diberi kuasa atau dilesenkan, kepercayaan kredit Pemegang Kad tersebut atau kelayakan Pemegang Kad untuk mendapatkan dan/atau menjalankan aktiviti perbankan dan/atau kredit kemudahan) kepada mana-mana atau kesemua pihak-pihak berikut:
  - i. Bank Negara Malaysia (BNM), Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro lain sebagaimana yang ditubuhkan oleh BNM dan pihak berkuasa yang menurut mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya).
  - ii. Syarikat-syarikat dalam Kumpulan RHB Capital Berhad, ejen dan/atau kontraktor bebas (termasuk mana-mana agensi pemungut hutang yang dilantik oleh Bank dan/atau mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan profesional kepada Bank dan/atau;
  - iii. Orang atau pihak lain yang difikirkan perlu oleh Bank mengikut budi bicara atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
24. Bank mempunyai hak untuk menambah, membuang atau meminda mana-mana terma-terma dan syarat pada bila-bila masa, di mana Pemegang Kad hendaklah diberi notis bertulis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Berkaitan dengannya, semua komunikasi dengan Pemegang Kad secara pos biasa atau ditinggalkan di alamat terakhir Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank, hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya oleh Bank dan diterima oleh Pemegang Kad.
25. Mana-mana perjanjian, waad, terma, ketetapan dan aku janji yang dibuat oleh pihak Pemegang Kad hendaklah dalam keadaan di mana dua (2) atau lebih orang terlibat, adalah dianggap dibuat oleh dan mengikat Pemegang Kad dan mana-mana individu lain bersama.
26. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan atau perselisihan, versi Bahasa Inggeris bagi terma dan syarat ini akan diguna pakai.

- Terma dan Syarat tamat -Tarikh akhir dikemaskini 17 November 2014